

## Kaji semula kompaun tinggi dalam pindaan Akta 342

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak termasuk dalam sektor industri, bidang kesihatan dan politik meminta kerajaan memberi perhatian kepada keperluan peruntukan kompaun lebih tinggi dalam Pindaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 (Akta 342).

Mereka berpendapat penganan kompaun lebih tinggi tidak lagi relevan ketika semua orang bergelut dalam masalah ekonomi yang tidak menentu.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan mahu cadangan terhadap pindaan Akta 342 diteliti semula. Ini kerana terdapat hukuman dalam pindaan itu yang disifatkan sebagai sangat tidak munasabah termasuk denda maksimum RM10,000 atau penjara untuk tempoh maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya bagi individu melanggar prosedur operasi standard (SOP) seperti gagal memakai pelitup muka serta penjarakan fizikal.

"Malaysia tidak boleh menjadi negara bersifat 'menghukum' sebaliknya perlu berteraskan undang-undang yang dilaksanakan dengan kemanusiaan. Di kota besar negara lain, kita diberi pelitup muka jika tidak membawanya dan kita dinasihati dengan sopan," katanya.

Bagi Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, langkah untuk mengenakan kompaun tinggi semata-mata tidak memberi kesan sekiranya tiada penguatkuasaan lebih ketat dan adil.

Katanya, peraturan sedia ada sudah terlalu banyak, namun dari sudut pelaksanaan dan penguatkuasaannya dilihat tidak telus terhadap sesetengah peringkat lapisan masyarakat.

"Ketika ini isu minimum RM10,000 atau RM1 juta yang dikenakan itu tidak memberi kesan, tetapi apa yang lebih menonjol ialah sikap 'double standard' terhadap sesetengah VIP yang terlepas begitu saja.

"Rakyat melihat perkara ini dan mereka menilai. Jika hendak denda, semua kena denda dengan sama rata dan adil jadi tidak ada yang akan berani melanggar arahan itu. Pada saya, kerajaan kena semak semula pindaan berkenaan kerana keadilan tidak jelas di situ," katanya kepada BH di sini, semalam.

Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Tan Sri Soh Thian Lai, pula berkata pihaknya memahami tujuan kerajaan dalam usaha mengurangkan penyebaran wabak ini, namun kompaun dikenakan perlu melihat kepada majoriti syarikat kebanyakannya ialah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang bergelut untuk meneruskan kelangsungan.

"Berdasarkan data terkini setakat Jun 2021 dalam Daftar Perniagaan Statistik Malaysia dikeluarkan oleh **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, jumlah bilangan syarikat di negara ini adalah 1,192,786 yang mana hanya 32,388 atau 2.7 peratus adalah syarikat besar. Baki 1,160,398 syarikat atau 97.3 peratus daripada jumlah pertubuhan adalah PKS.

Beliau juga menjelaskan, sekiranya tuduhan pelbagai kluster datang daripada kilang-kilang, ia tidak benar sama sekali kerana pembukaannya berdasarkan fasa yang dibenarkan oleh kerajaan.

"Malah berdasarkan statistik daripada Kementerian Kesihatan (KKM), hampir 70 peratus kes sporadik yang tidak dapat dikesan dari mana-mana kluster manakala kes positif daripada kluster adalah kira-kira 30 peratus saja," katanya.

Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Seri Rosli Sulaiman, pula berharap kerajaan lebih menggunakan pendekatan mendidik daripada terus mengenakan kompaun yang tinggi.

"Jangan kita menambahkan kesukaran kepada rakyat dan asyik mencari kesalahan rakyat sebagai jalan singkat, sebaliknya kerajaan perlu melihat apakah yang perlu dilakukan bagi sama-sama menangani wabak ini.

"Kita memang sudah hidup dengan virus COVID-19 ini, jadi kita lebihkan kepada konsep saling mendidik kerana jika RM100 pun kompaun dikenakan, rakyat tidak mampu nak bayar. Rakyat memerlukan pemimpin yang mendidik, bukannya menghukum mereka," katanya.

Bagaimanapun, Prof Kesihatan Komuniti, Pengurusan Hospital dan Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata Akta 342 itu sesuai diubah berdasarkan situasi ketika ini.

"Akta ini sudah terlalu lama dan akibat pandemik ia memerlukan perubahan definisi, arahan kuasa, penggunaan termasuk kuarantin yang lebih meluas.

"Namun kompaun dikenakan juga harus sesuai sekurang-kurangnya RM1,000 dan jika kes salah laku SOP itu terus berleluasa, maka jumlah denda itu boleh ditingkatkan.

"Dalam kes berat contohnya seperti mereka ingkar untuk kuarantin, menipu hasil ujian saringan COVID-19, maka denda yang lebih tinggi harus dikenakan kerana ia jelas menyalahi peraturan sedia ada," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/899403/kaji-semula-kompaun-tinggi-dalam-pindaan-akta-342>